

10 SEP 1999

Mahathir-Ekonomi

K'JAAN TERUS IMBANGKAN EKONOMI ANTARA KAUM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan terus mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum di negara ini bagi memastikan keharmonian negara terus terjamin.

Justeru kerajaan akan memastikan bahawa matlamat untuk mengagihkan 30 peratus kekayaan negara kepada Bumiputera akan tercapai, katanya.

"Walaupun Bumiputera terdiri daripada 60 peratus penduduk negara ini, kita tidak tamak sehingga mahu 60 peratus daripada kekayaan negara ini," katanya ketika merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat (KEB 4) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

"Kita sasarkan 30 peratus sebab ia lebih realistik dan jika lebih pun tidak mengapa," kata beliau.

Beliau berkata kegawatan ekonomi baru-baru ini telah memusnahkan usaha kerajaan lebih 30 tahun untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum dan kini usaha lebih gigih perlu dibuat bagi memastikan imbalan kedudukan itu tercapai.

Dalam memastikan usahawan Bumiputera terus maju, Dr Mahathir mahu golongan itu mengkaji akan kelemahan diri masing-masing terutama dalam mengurus perniagaan kerana kelemahan itu banyak menggagalkan usaha kerajaan membantu mereka.

"Saya akui ramai Bumiputera dah cekap dan tahu mengatur bidang-bidang keutamaan (perniagaan) tetapi majoriti masih kurang tahu bukan sahaja dalam hal urusan pinjaman tetapi juga masa yang ditumpukan kepada perniagaan," katanya.

"Kadang-kadang kita nak kejar yang besar tetapi perkara-perkara yang kecil kita tak nampak. Kita tak beri perhatian pada apa yang sedang kita buat tetapi tumpukan lebih kepada matlamat yang lebih tinggi," katanya.

Dr Mahathir berkata, mereka boleh ceburi bidang perniagaan lain, tetapi biarlah perniagaan yang sedang dibuat itu sudah kukuh dan berjaya.

"Budaya tergesa-gesa dan gopoh untuk ke bidang lain sedangkan bidang yang sedang dilalui belum kukuh betul, akan hanya menggagalkan usaha kita," katanya.

"Kalau tak ada kekuatan dalaman (diri sendiri) maka tidak mungkin kita dapat imbangi kedudukan kita dengan kaum lain lebih-lebih lagi dalam menghadapi alaf baru dan globalisasi," katanya.

Dr Mahathir juga berkata dalam usaha kerajaan mengejar kemajuan negara, kerajaan juga terpaksa menghadapi cabaran idea-idea globalisasi.

"Bila idea mengenai globalisasi ini sampai ke negara kita, kita terpaksa hadapi ekonomi terbuka, bermakna orang asing berhak masuk ke negara kita, bebas berniaga dan tanpa sekatan yang boleh dibuat oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata hari ini orang asing menuntut mereka diberi hak untuk berniaga di negara ini tanpa apa-apa syarat dan sebagai anggota Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO), negara perlu akur dengan keputusan badan itu.

"Ini kerana kita tahu kalau kita tak terima keputusan mereka, mereka akan sekat dagangan kita."

"Inilah globalisasi ikut tafsiran sekarang. Tak ada pertimbangan di beri kepada negara sama ada kecil atau besar, sama ada kuat atau lemah,"

katanya.

Perdana Menteri berkata, kuasa asing juga bercakap mengenai "level playing field" yang mengikut mereka itu asalkan padang sama rata, pertandingan dalam perniagaan adalah adil.

"Tapi kita rasa walaupun di padang yang rata, kalau si kerdil lawan dengan gergasi, yang gergasi pasti menang," katanya.

Beliau berkata, walaupun kerajaan cuba melindungi rakyat negara ini daripada kuasa-kuasa besar melalui syarikat-syarikat gergasi mereka, kerajaan terpaksa juga membuka ruang kepada orang asing memandangkan syarikat tempatan terutama Bumiputera memerlukan bantuan setelah menghadapi kegawatan ekonomi.

"Oleh itu kita bantu syarikat Bumiputera sebab kalau tidak (bantu), saya kurang yakin mereka boleh bertahan," katanya.

Pada awal ucapan perasmian itu, Dr Mahathir sebak apabila menyentuh mengenai usaha kerajaan membantu Bumiputera sepanjang 42 tahun negara merdeka.

Selepas berhenti sejenak menahan sebak dan meminta maaf, beliau berkata "Kemerdekaan tak bermakna jika selepas merdeka kita tak dapat betulkan keadaan sosial yang tak adil yang terdapat dalam negara".

"Sebab itu segala tumpuan di buat terhadap pembangunan Bumiputera tetapi secara tidak merugikan kaum lain. Bukan niat kita untuk ambil kekayaan orang lain untuk diagihkan kepada Bumiputera," katanya.

Dr Mahathir turut meluangkan masa kira-kira sejam untuk berdialog bersama peserta yang kebanyakannya mahu kerajaan terus membantu usahawan Bumiputera menghadapi alaf baru.

Lebih 1,000 orang menghadiri kongres dua hari itu yang antara lain bertujuan menilai prestasi pencapaian Bumiputera sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan dan merangka halatuju dan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang agenda pembangunan Bumiputera.

-- BERNAMA

NZ PR